

Wanita MIC Turun Padang Bantu Mangsa Banjir
Bernama
Dec 26, 2014

KUALA LUMPUR, 26 Dis (Bernama) -- Seramai 250 anggota Wanita MIC telah dikerah turun padang ke negeri di pantai timur dan Perak yang kini dilanda banjir.

Ketuanya, Mohana Muniandy berkata mereka yang terlibat adalah mewakili beberapa cawangan termasuk ketua-ketua cawangan pergerakan itu.

Katanya, pergerakan itu telah menempatkan dua anggotanya di semua pusat pemindahan banjir bagi kawasan yang teruk terjejas akibat bencana alam itu.

"Selain itu, kita juga bersama-sama skuad Misi Sayang Wanita Umno akan mula mengumpul derma dan sumbangan bermula hari ini hingga 2 Jan depan.

"Orang ramai boleh menyumbang pelbagai barangan keperluan asas harian di Pejabat Wanita, Tingkat 5, Ibu Pejabat MIC di sini," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Justeru katanya, antara barangan yang boleh disumbang termasuklah air mineral, beras, roti atau biskut, susu tin, pakaian, selimut dan lampin bayi pakai buang.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1096434>